

TARIKH	3 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	16	RUANGAN	Dalam Negeri

Kos ibadah haji kekal RM9,980

Oleh ZAMZURINA AHMAD

zamzurina.ahmad@utusan.com.my

KUANTAN 2 Feb. - Kos mengerjakan ibadah haji dikekalkan pada kadar RM9,980 seorang walaupun

kos sebenar mengalami kenaikan daripada RM15,150 tahun lalu kepada RM15,555 tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, walaupun Malaysia merupa-

kan negara yang menawarkan pakej haji termurah, Tabung Haji tetap menyalurkan subsidi bagi menampung kenaikan kos seperti yang diputuskan oleh kerajaan Arab Saudi.

"Subsidi sebanyak RM150 juta pada tahun lalu akan bertambah berikutan peningkatan se-

wa bilik hotel, pengangkutan dan beberapa kos lain ekoran proses pembesaran Masjidil Haram.

"Justeru, kita seharusnya bersyukur tambang tidak dinaikkan pada musim haji kali ini walaupun kos sebenar meningkat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-29, di sini hari ini.

Bagaimanapun, menurut Jamil Khir, Tabung Haji hanya akan memberikan subsidi kepada mereka yang kali pertama mengerjakan haji.

Sementara itu, beliau berkata, Tabung Haji akan mengumumkan

bonus dan dividen yang bakal diperoleh 8.2 juta pendepositnya pada Khamis ini.



JAMIL Khir Baharom (kanan) menunjukkan buku panduan ibadah haji, umrah dan ziarah dalam versi bahasa Inggeris kepada beberapa perwakilan asing selepas merasmikan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-29 di Kuantan, semalam. - BERNAMA